

18/09/2002

Waspada ancaman puak Khawarij cetus huru-hara: PM

Kadir Dikoh; Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran mengenai bahaya fahaman puak Khawarij, yang sepanjang sejarah Islam mencetus huru-hara dan sanggup bersubahat dengan musuh Islam.

Perdana Menteri berkata, tidak ada pemerintahan Islam bebas daripada diganggu kumpulan itu, yang suka menolak keIslaman orang Islam lain dan keIslaman pemerintahan Islam sehingga musuh Islam mengambil kesempatan menewaskan umat Islam.

Anehnya, kata beliau, golongan itu tidak pernah memerangi bukan Islam. Mereka hanya memusuhi orang Islam lain menyebabkan masyarakat Islam tidak pernah aman.

"Soal sama ada sebuah negara yang diperintah oleh orang Islam adalah Islam atau tidak, selalunya datang daripada puak ini. Tujuan soalan ini dibuat ialah untuk menghalalkan percubaan mereka menggulingkan pemerintah dan merebut kuasa.

"Walaupun apa pun bukti yang ditunjuk bahawa negara berkenaan adalah negara Islam, puak ini tetap menolak keIslaman itu dan cuba menjatuhkan kerajaan. Bahawa majoriti daripada orang Islam mengiktiraf keIslaman negara berkenaan, pemerintahan dan kepemimpinannya tidak juga dapat menyakinkan puak ini akan keIslaman negara itu.

"Justeru itu, sia-sia sahajalah usaha untuk membuktikan keIslaman negara," katanya ketika berucap pada seminar kebangsaan bertajuk 'Memahami Malaysia sebagai sebuah negara Islam' di sini hari ini.

Kira-kira 300 peserta terdiri daripada wakil pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan parti pembangkang menghadiri seminar dua hari itu yang dianjurkan oleh kerajaan Selangor, Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dan Institut Perkembangan Minda (Inmind).

Dr Mahathir berkata, Malaysia diakui oleh dunia termasuk negara bukan Islam, sebagai negara Islam dengan umatnya bermazhab Sunni (Ahli Sunnah Wal Jemaah) yang berpegang kepada Sunnah Nabi dan pendapat yang diterima serta diamal oleh jemaah Islamiah iaitu masyarakat umum.

Katanya, ahli Sunnah Wal Jemaah yang setia tidak boleh menolak pendapat umum bagi mengikut pendapat puak dan kumpulan kecil yang berlainan pandangan.

"Jemaah bermakna kumpulan yang besar atau majoriti tetapi dalam mana-mana masyarakat tetap ada kumpulan kecil yang tidak mahu menerima pendapat umum.

"Berpecahnya umat Islam adalah disebabkan kumpulan penentang yang kecil ini, seperti Khawarij yang menolak pendapat jemaah yang besar. Selagi ada kumpulan yang tidak mahu menerima pendapat jemaah atau pendapat umum daripada kumpulan yang terbesar, selama itulah perpecahan demi perpecahan akan berlaku," katanya.

Beliau berkata, jumlah terbesar umat Islam di negara ini dan di seluruh dunia mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam sudah cukup untuk Malaysia diterima oleh orang Islam di negara ini yang akur kepada pendirian Ahli Sunnah Wal Jemaah, sebagai negara Islam.

"Alasan lain sebenarnya tidak perlu. Walaupun demikian, kita boleh tunjuk bukti jelas bahawa segala ajaran Islam yang mampu dilaksanakan oleh pemerintahan Malaysia telah dilaksanakan di negara ini.

"Islam bukanlah semata-mata tertumpu kepada haram-halal, dosa-pahala dan hukum hakam di dunia. Islam adalah ad-Din atau cara hidup. Cara hidup meliputi segala yang dilakukan dalam kehidupan orang Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, cara hidup orang Islam di negara ini adalah sempurna serta bebas daripada segala tekanan, ketidakadilan atau kekurangan. Segala yang berkaitan dengan cara hidup Islam ada di Malaysia walaupun rakyatnya menganut pelbagai fahaman agama.

"Oleh itu, hakikat bahawa Malaysia adalah negara Islam memang berasas dan tepat. Pengiktirafan oleh orang berkepentingan terutama oleh orang yang menidakkan ajaran Islam seperti mendakwa Tuhan adalah samseng terbesar, penjahat dan penipu, tidak penting.

"Sama ada mereka ini iktiraf atau tidak, hakikatnya ialah Malaysia adalah negara Islam, diperintah oleh orang Islam dan di mana segala suruhan Allah yang wajib diamalkan, boleh diamalkan dengan bebas dan selamat.

"Mereka yang menolak pendapat golongan terbesar antara orang Islam di negara ini, yang suka memecah belah orang Islam, mencetus huru hara, mereka ini tidak berhak untuk menyoal Islam atau tidaknya Malaysia," katanya.

Ketika ditanya pada sidang akhbar selepas itu, sama ada fahaman Khawarij itu menular dalam Pas, Dr Mahathir berkata maksud Khawarij adalah kumpulan kecil yang selalu menentang kumpulan besar.

"Kita tahu Pas adalah kumpulan kecil walaupun sekarang ini dia dapat mengelirukan kefahaman Islam di kalangan sebilangan ramai juga rakyat. Jadi menjadi tanggungjawab kumpulan besar untuk menentukan mereka ini tidak berjaya mencetuskan huru hara dalam negara dan mengelirukan rakyat," katanya.

Perdana Menteri berkata, secara umum masyarakat bukan Islam tidak membantah pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam tetapi parti pembangkang menjadikannya isu untuk memancing undi termasuk tindakan DAP mengedar dokumen dikenali Dokumen 929.

Sebelum itu, ketika berdialog dengan hadirin Dr Mahathir ditanya mengenai Suruhanjaya Reid yang diberi mandat membentuk Perlembagaan negara tetapi laporannya tidak menyebut Malaysia sebagai negara Islam.

Dr Mahathir menjelaskan, walaupun Suruhanjaya Reid tidak menyebut Malaysia sebagai negara Islam dalam Perlembagaan, hakikatnya negara di dunia menerima Malaysia sebagai negara Islam.

"Reid Commission patut baca sedikit sejarah Islam. Walaupun tidak disebut dalam Perlembagaannya, hakikatnya negara dan dunia terima kita sebagai negara Islam," katanya.

Beliau berkata, dunia Islam turut menganggap dan selalu merujuk Malaysia sebagai sebuah negara contoh kepada negara Islam lain.

"Saya tidak mengetahui sama ada Suruhanjaya Reid memahami tafsiran negara Islam. Mereka hanya tahu negara sekular, jadi mereka menganggap negara yang boleh amalkan semua agama tanpa gangguan sebagai negara sekular.

"Bagi mereka semua negara yang mempunyai penduduk berbilang agama adalah negara sekular. Tetapi mengikut sejarah Islam seperti di Andalusia, Sepanyol, ada orang Kristian dan Yahudi tetapi terus menerima wilayah di situ sebagai wilayah Islam," katanya.